

Headline	Titian Silara FRIM dibuka hari ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm ²
Journalist	NORAFIZA JAAFAR	AdValue	RM 3,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,235



Titian Silara FRIM dibuka hari ini

Nikmati kembali keceronokan melihat flora, fauna

■ NORAFIZA JAAFAR

KEPONG - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) membuka semula Titian Silara atau 'canopy walk' kepada orang awam bermula hari ini selepas ditutup hampir setahun.

Tarikan pengunjung itu ditutup sejak Oktober tahun lalu selepas mengalami kerosakan akibat pokok tumbang berpunca daripada hujan lebat.

Jurucakap FRIM berkata, tumbuhan terjejas dipulihkan dan diperiksa terlebih dahulu, sebelum kerja pembaikan dilakukan sekitar April.

"Bagi tujuan keselamatan dan pengukuhan, FRIM mengehadkan muatan atau jumlah penggunaan dikurangkan daripada 250 orang kepada 60 orang setiap hari.

"Khidmat jurupandu diwajibkan bagi pelawat yang akan dihadkan seramai 25



Titian Silara dibuka semula selepas kerja baik pulih selesai

orang setiap kumpulan. Tempahan bagi yang bermintah boleh dibuat di kaunter FRIM selewatnya sehari sebelum lawatan," katanya.

Ketua Program Eco-pelancongan dan Hutan Bandar (EUF) FRIM, Dr Noor Azlin Yahya, turut menegaskan penutupan Denai Rover ke Titian Kanopi kekal bagi pe-

lawat dan hanya mereka yang mempunyai tiket dibenarkan untuk masuk ke situ.

Titian Silara dibina sejak 1992 untuk tujuan penyelidikan flora dan haiwan, sebelum dibuka kepada orang awam sebagai tarikan pelancongan setahun kemudian dengan ketinggian 30 meter dan panjangnya 150 meter.